

01 MAR 2002

RAFIDAH-PROMOSI

PROMOSI PELABURAN, PERDAGANGAN AKAN LEBIH AGRESIF, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Malaysia akan melaksanakan promosi pelaburan dan perdagangan dengan lebih agresif tahun ini, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

"Saya sendiri akan mengetuai beberapa rombongan bermula bulan tiga ini di Eropah, selepas itu terus ke Timur Tengah dan Asia Timur dan ke Eropah balik, ke Amerika," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian hadiah projek Teknologi Litar bersepadu ke-15 anjuran Universiti Malaya-ChipPAC-Intersil, di sini, beliau berkata destinasi eksport yang lama perlu diperluas dan dipertahankan, dan destinasi eksport yang baru perlu dicungkil.

"Contohnya di Eropah kali ini saya akan ke Sweden, dan kemudiannya bersama-sama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Rusia, Jerman dan Poland," katanya.

Sementara itu, Lebanon adalah satu destinasi Timur Tengah di mana pameran barangan Malaysia akan diadakan, katanya.

"Yang pentingnya ialah bukan hanya kita hendak menarik pelabur tetapi kita harus memasarkan barangan dan perkhidmatan kita. Dan rombongan-rombongan yang keluar kali ini akan menggabungkan kedua ini dengan lebih agresif, perdagangan dan pelaburan," katanya.

Ketika ditanya sama ada Malaysia bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat, Rafidah berkata: "Amerika adalah salah satu destinasi eksport yang penting, di samping Kesatuan Eropah, Asean dan Jepun. Jadi kita tidak boleh ketepikan negara itu."

Amerika menyumbang satu perlima daripada eksport negara. Ia merupakan pasaran yang sangat besar dan belum habis dieksploitasi potensinya. "Kita punya harapan yang cerah," tambahnya.

Selain itu, China pula merupakan pasaran terbuka yang baru dan mempunyai potensi eksport yang sangat besar bagi Malaysia.

"Pada tahun lepas daripada semua negara-negara di dunia, peningkatan eksport ke negeri Chinalah yang menunjukkan prestasi tertinggi sekali," katanya.

Rafidah berkata selain minyak kelapa sawit, permintaan untuk pelbagai bentuk barangan dan perkhidmatan di China mempunyai potensi yang sangat besar.

"Harapan kita juga adalah oleh kerana China akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Olimpik pada 2008, maka kita sedang berusaha untuk mendapatkan pembekal-pembekal perkhidmatan daripada Malaysia mengambil bahagian dalam pembinaan infrastruktur Olimpik di China," katanya.

Sementara itu, beliau turut memberitahu bahawa dengan pemulihan ekonomi global terutamanya Amerika Syarikat dan Eropah, permintaan luaran dan domestik negara akan meningkat.

Sekaligus, ia akan menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang lebih tinggi dan positif pada tahun ini, katanya.

Dua hari lepas, Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan bahawa KDNK Malaysia tahun lepas berkembang 0.4 peratus. -- BERNAMA

ER JR